



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	30/6/2021	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			

# Rambai, Kasturi 'pujuk' gajah jantan liar

**Padang Terap:** Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) terpaksa menggunakan dua gajah betina denak bagi 'memujuk' gajah jantan liar yang dikesan berkeliaran di Hutan Simpan Ahning, Durian Burung, sejak dua bulan lalu.

Pengarah PERHILITAN Kedah, Jamalun Nasir Ibrahim, berkata gajah liar dianggap seberat tiga tan berkenaan dilaporkan kerap merosakkan tanaman dan mengancam keselamatan penduduk di Kampung Batu Pengasah dan Kampung Baru, Padang Saini.

Beliau berkata, pihaknya meminta bantuan Unit Tangkapan Gajah, Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Lanchang, Pahang bagi menangkap dan memindahkan gajah liar dianggap berusia 30 tahun itu ke lokasi lebih selamat.

"Gajah jantan liar berkenaan berjaya ditangkap Ahad lalu sebelum kita menggunakan dua gajah betina denak bernama Rambai dan Kasturi yang dibawa dari PKGK bagi membantu membawanya keluar dari hutan serta memindahkannya ke dalam lori hari ini (semalam).

"Secara keseluruhan, operasi pemindahan ini mengambil masa kira-kira empat jam dan tamat sepenuhnya pada jam 12 tengah hari sebelum haiwan liar ini dihantar ke Hutan Simpan Belum, Temenggor, Perak," katanya ketika ditemui di sini, semalam.



Kakitangan PERHILITAN menggunakan dua gajah betina bagi memujuk gajah jantan liar (tengah) yang kerap menceroboh kampung untuk dihantar ke Hutan Simpan Belum, semalam. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

Jamalun berkata, pihaknya percaya gajah jantan berkenaan terkeluar daripada kumpulan gajah liar lain yang menjadikan Hutan Simpan Ahning sebagai habitat asal sebelum tersesat ke kawasan berdekatan kampung.

"Sebelum ini, kami memang berusaha menghalau gajah liar berkenaan kembali ke hutan berdekatan, namun ia bertindak agresif dan kerap mencari maka-

nan berdekatan kampung menyebabkan kami mengambil keputusan memindahkannya.

"Sepanjang tahun ini, PERHILITAN Kedah sudah memindahkan empat gajah liar dengan dua ditangkap di Padang Terap dan dua lagi di Baling," katanya.

Aziz Md Daud, 57, berkata masyarakat di situ lega selepas gajah liar itu berjaya ditangkap dan dipindahkan selepas kerap dili-

hat berkeliaran.

"Gajah jantan ini memang berbeza dan cepat naik angin terutama apabila melihat penduduk kampung cuba menghalaunya yang kerap menceroboh kebun dan merosakkan tanaman kami.

"Selalunya, kami akan berundur segera sekiranya melihat gajah liar menjadi marah kerana bimbang keselamatan sendiri," katanya.